

# 'Sejarah memfokus kepada masyarakat, bukan individu'

Oleh HAMDAN TAWADI

KUALA LUMPUR 31 Ogos - Pensyarah Universiti Malaya (UM) yang juga pakar sejarah, Datuk Prof. Dr. Khoo Kay Kim meminta mana-mana pihak yang ingin membuat kenyataan berkaitan sejarah, merujuk kepada pakar bidang itu terlebih dahulu bagi mengelakkan sebarang salah faham.

Beliau berkata, kebanyakan orang tidak menyedari bahawa sejarah memfokus kepada masyarakat, bukan kepada individu atau tokoh tertentu sahaja.

Menurutnya, terdapat ramai tokoh di Malaysia namun hanya tokoh dengan sumbangan terbesar kepada masyarakat sahaja direkodkan dalam sejarah.

"Pembangunan Kuala Lumpur bukan disumbangkan oleh Yap Ah Loy semata-mata. Ada ramai lagi tokoh yang sumbangannya jauh lebih besar.

"Antaranya ialah Loke Yew, orang Cina terkaya pada masa itu. Ramai orang Cina yang telah berjaya pada asalnya pernah bekerja dengan beliau, termasuk Loke Chow Kit.

"Loke Yew juga telah banyak menderma untuk pembinaan Sekolah Teknik di Kuala Lumpur. Sekolah tersebut kemudiannya telah berkembang menjadi Maktab Teknik dan kini Universiti Teknologi Malaysia.

"Sebaliknya, Yap Ah Loy telah mening-

**Pembangunan Kuala Lumpur bukan disumbangkan oleh Yap Ah Loy semata-mata.**

**Ada ramai lagi tokoh yang sumbangannya jauh lebih besar**

gal dunia pada usia 45 tahun, maka dalam tempoh singkat tentunya sumbangan yang dapat diberikan tidak sebesar tokoh yang lain," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Kay Kim turut menambah bahawa sejarah tidak berkisar hanya di Kuala Lumpur, tokoh-tokoh yang banyak menyumbang kepada masyarakat di tempat lain juga perlu diambil kira.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai isu yang mempertikaikan kandungan buku teks sejarah sekolah menengah.

Semalam Naib Ketua Pemuda Gerakan, Lim Si Pin berkata, buku teks sejarah sekolah menengah telah mengabaikan sumbangan pemimpin tertentu dalam pembangunan negara.

Si Pin menggesa pengarang buku teks sejarah agar mengarang mengikut pelbagai perspektif dan mengambil kira sumbangan tokoh daripada pelbagai kaum.

Menurutnya antara tokoh yang tidak dicatat dalam buku itu ialah Yap Ah Loy sedangkan tokoh itu memberi sumbangan besar kepada pembangunan Kuala Lum-

pur.

Beliau turut menyatakan bahawa sejarah mengenai Hang Tuah disingkirkan daripada buku teks sejarah selepas kuburnya dikatakan telah ditemui di Bukit Cina, yang menimbulkan keraguan terhadap identiti sebenar Hang Tuah.

Mengulas mengenai Hang Tuah pula, Kay Kim menyatakan, ketiadaan bukti yang kukuh tidak membolehkan ia direkodkan dalam sejarah.

"Hang Tuah bukannya sejarah tetapi lebih kepada legenda. Tiada bukti kukuh yang dapat menyokong kewujudannya.

"Berkenaan kubur Hang Tuah di Bukit Cina, tiada kepastian ia kubur Hang Tuah. Sejarah adalah fakta dan bukti.

Dalam pada itu, beliau tidak bersetuju dengan pandangan yang menyatakan Hang Tuah berbangsa Cina.

"Orang kata Hang Tuah bukan nama biasa bagi orang Melayu, dan berkemungkinan berbangsa Cina.

"Namun bagaimana pula dengan Hang Kasturi? Adakah Kasturi juga berbangsa Cina. Tidak ada bukti yang dapat menjelaskan perkara ini," katanya.

DR. KHOO  
KAY KIM  
Pakar sejarah



DR. KHOO KAY KIM